



SHAFIE (dua kiri), D Kamarudin (kiri) menunjukkan ijazah yang diterima oleh Fatma (kanan) sambil disaksikan oleh ibunya (dua kanan).

Fatma Faisal terima skrol ijazah Sarjana Muda daripada Ketua Menteri

UB 2.12.2018 A1

KOTA KINABALU: Mangsa kemalangan jalan raya, Fatma Faisal, 23, menerima skrol ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada petang Jumaat di Hospital Queen Elizabeth 1 yang disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah merangkap Pro-Canselor UMS Datuk Seri Panglima (DSP) Shafie Apdal.

Graduan Kerja Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan itu mengalami kemalangan jalan raya bersama rakannya pada 1 November lepas, dijadualkan bergraduasi pada sesi konvokesyen ke-20 baru-baru ini.

Menurut abangnya Mohd Roslan

Faisal, 26, berikutan kemalangan tersebut, Fatma mengalami bengkok pada bahagian otak dan mengalami kecederaan saraf yang menyebabkan dia sukar untuk bercakap, bernafas dan tidak dapat bergerak.

“Alhamdulilah setakat hari ini, terdapat perubahan positif kepada Fatma. Kini dia sudah dapat menggerakkan bahagian kiri badannya dan diharapkan dengan kehadiran DSP Shafie menyampaikan skrol konvokesyenya, ia akan memberi semangat kepada adik saya untuk cepat sembuh,” katanya.

Sementara itu, Shafie menzahirkan penghargaan kepada UMS dan Hospital Queen Elizabeth 1 atas

majlis yang diadakan.

“Hari ini kita adakan sedikit majlis bagi menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial kepada mangsa kemalangan yang tidak dapat hadir di majlis konvokesyennya.

“Terima kasih kepada Naib Canselor UMS Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dan pengurusan Hospital Queen Elizabeth 1 kerana menguruskan majlis ini yang mana sedikit sebanyak dapat menggembirakan Fatma yang dalam keadaan susah,” katanya.

Hadir sama pada majlis ialah Pengarah Hospital Queen Elizabeth 1 Dr William Gotulis. **Jabatan Penerangan**